

PRIVACY POLICY

Last updated : 6 April 2026

This Privacy Policy apply to the Eastworlds website at <https://eastworlds.io> and all related links and sites of Eastworlds (the “**Websites**”) provided and operated by Eastworld Sdn. Bhd. (the “**Company**”, “**we**”, “**our**” or “**us**”). This Privacy Policy govern your access to and use of the Company’s Websites and constitute a legally binding agreement between (i) us and you, and/or (ii) if you are representing an entity, the entity that you are representing (hereinafter referred to as “**you**” or “**your**”).

We take your privacy rights and the protection of personal data seriously, and strive to collect, use, disclose and process any personal data collected in a manner that complies with applicable data protection and privacy legislation (the “**Data Protection Legislation**”).

This Privacy Policy sets out what personal data we collect, how we use, process and disclose your personal data, and your choices concerning our information practices. This Privacy Policy is incorporated into and forms part of our Websites’ Terms of Use (the “**Terms**”).

Before accessing and using the Websites or any of the content made available thereon (“**Content**”), or submitting any personal data to the Company via the Websites, please read through this Privacy Policy and review it carefully. By accessing and/or using the Websites or Content, you agree to our collection, use, disclosure and processing of your personal data as set out in this Privacy Policy. If you do not agree to this Privacy Policy, please do not access or use the Websites or any of our Content.

The Company reserves the right to modify this Privacy Policy at any time and encourages you to review this Privacy Policy each time you access the Websites.

DEFINITIONS AND INTERPRETATION

1. “**Personal data**” in this Privacy Policy shall have the meaning given to it in the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia and other applicable data protection legislations.
2. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Privacy Policy, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.
3. Capitalised terms in this Privacy Policy shall have the meaning given to them in the Terms, unless the context requires otherwise.

UPDATES TO THIS PRIVACY POLICY

4. We may revise this Privacy Policy from time to time without any prior notice. By continuing to access and/or use the Websites or any of the Content made available therein, you are deemed to acknowledge and accept such changes to this Privacy Policy.

WHAT PERSONAL DATA WE MAY COLLECT

5. In order to access and/or use the Websites and any of the Content made available therein, you may be required to provide us and we may collect the following categories of personal information:

- (a) Identification Information: Your name, email address, organization / team name, website and LinkedIn.
 - (b) Device and Usage Data: Device model and OS, IP address, language, crash logs, session duration, timestamps.
 - (c) Communication Information: Information you share with us as part of any enquiries, emails, surveys, or feedback.
 - (d) Social Media Information: Information received from your interactions with our social media platforms or information provided by the social media platforms, including aggregate information and analytics of our followers or viewers.
 - (e) Internet Activity Information: When you visit, use, or interact with the Websites or any of the Content made available therein, the following information may be created and automatically logged in our systems:
 - (i) Device Information: The manufacturer and model, operating system, IP address and unique identifiers of the device, as well as the browser you use to access the Websites. The information we collect may vary based on your device type and settings.
 - (ii) Usage Information: Information about how you use our Websites, such as the types of content that you view or engage with, the actions you take, and the time, frequency, and duration of your activities.
 - (iii) Email Open/Click Information: We may use pixels in our email campaigns that allow us to collect your email and IP address as well as the date and time you open an email or click on any links in the email.
6. We collect your personal data from manual requests, forms, agreements and generally while you are using and accessing the Websites. When you upload and submit any personal data to us, you hereby confirm that you have authority to disclose the relevant personal data and you consent to the Company and the Third Party Providers collecting, using, disclosing and processing the relevant personal data in accordance with this Privacy Policy.
7. Where personal data is requested, you are obligated to provide such personal data requested, failing which the Company will not be able to offer you access and use of the Websites. If you do not agree to this Privacy Policy, please do not access or use the Websites.

THE PURPOSES IN WHICH WE COLLECT, USE AND PROCESS YOUR PERSONAL DATA

8. We may collect, use and process your personal data for any or all of the following purposes:
- (a) **Operate the Websites**: operate and provide support to the Websites.
 - (b) **Partnering Opportunities**: evaluate opportunities to participate in any incubator, accelerator, founder, affiliate, partnership or other programs of the Company or its affiliates, related corporations, clients, customers and service providers.
 - (c) **Commercial Purposes**: sell, re-sell, distribute, grant licenses over, disclose, share or otherwise commercially exploit such personal data, to the extent permissible under applicable laws.
 - (d) **Moderate and Ensure Integrity**: detect fraud, spam, bots and prohibited content; investigate and prevent misuse and violations; enforce our Terms.

- (e) **Train and Improve Models:** train, evaluate, deploy and improve AI / robotics models and datasets, and to provide related services to research or enterprise partners.
 - (f) **Personalize and improve:** understand usage, improve UX, content and performance, develop new Content and features.
 - (g) **Communicate:** send service messages, updates, alerts and, where permitted, marketing communications.
 - (h) **Legal and compliance:** comply with laws, requests and enforce our rights.
 - (i) performing obligations in the course of or in connection with allowing you access or use of our Websites and any of the Content made available therein.
 - (j) any other incidental business purposes related to or in connection with the above.
9. The purposes listed in the above clauses may continue to apply even in situations where your relationship with us (for example, pursuant to a contract) has been terminated or altered in any way, for a reasonable period thereafter (including, where applicable, a period to enable us to enforce our rights under a contract with you).

WHEN YOUR PERSONAL DATA MAY BE DISCLOSED TO THIRD PARTIES

10. We may disclose your personal data described above to third parties or in specific situations without further notice to you, unless required by applicable law. Such disclosures may occur in the following instances:
- (a) Operation and Maintenance of Websites: When necessary for fulfilling obligations related to activities on or through the Websites, or your access and use of the Websites and/or any Content made available therein, we may disclose personal data to third parties involved in delivering these services.
 - (b) Service Providers: To support our business operations and provide certain services, we may share personal data with third-party providers, partners, affiliates, and service providers. This includes those offering hosting and cloud services, IT support, email communication and newsletter services, advertising and marketing services, payment processing, customer relationship management, customer support, and analytics services. These third parties may access, process, or store personal data as needed to perform their functions, in accordance with our instructions.
 - (c) Professional Advisors: We may share personal data with our professional advisors, such as legal and accounting firms, when necessary for them to provide services to us.
 - (d) Related Parties: We may share your personal data with our affiliates, related parties, partners, customers, employees, contractors, licensors, service providers or suppliers, and the affiliates, related parties, partners, customers, employees, contractors, licensors, service providers or suppliers of the aforementioned persons, for purposes of and in the ordinary course of business and as per agreements entered into between these parties.
 - (e) Business Transfers: If we are involved in a merger, acquisition, financing, reorganization, bankruptcy, receivership, dissolution, sale of all or a portion of our assets, or transition of service to another provider (collectively a “**Business Transaction**”), your personal data may be disclosed in the diligence process with counterparties and others assisting with the Business Transaction and

transferred to a successor or affiliate as part of or following that Business Transaction along with other assets.

- (f) Legal Requirements: While we do not voluntarily share personal data with government authorities or regulators, we may disclose your information when required to do so by law, regulation, court order, or other legal obligation.
- 11. Your personal data may be made publicly available in certain instances, including when you participate in any incubator, accelerator, founder, affiliate, partnership or other programs of the Company or its affiliates, related corporations, clients, customers and service providers.
- 12. For the purposes of provision of any of our Content, we may rely on third parties who may collect, use, disclose or process your personal data for their own purposes, and without our involvement or reference to us. We are not liable or responsible for the collection, use, disclosure or processing of your personal data by such third parties.

PENGGUNAAN COOKIES DAN TEKNOLOGI LAIN

- 13. We may deploy one or more of the following technologies to collect internet activity information in order to enhance your user experience, understand how you interact with any of the Content made available on the Websites, and improve our offerings:
 - (a) Cookies: These are small text files placed on your device that allow us to uniquely identify your browser or store information and settings. Cookies help improve your experience by enabling smooth navigation between pages, remembering your preferences, supporting specific functionalities, analyzing user activity and patterns, and facilitating targeted advertising.
 - (b) Local Storage Technologies: Technologies such as HTML5 may be used to provide functionality similar to cookies but with the ability to store larger amounts of data. This information can be stored directly on your device, including outside your browser, in relation to specific Websites.
 - (c) Web Beacons (Pixel Tags/Clear GIFs): These help us confirm when a webpage or email has been accessed or opened, or when specific content has been viewed or clicked. Web beacons are typically used to track user engagement and optimize the content we deliver.
 - (d) Data Analytics Tools: We may use technologies and tools provided by third party partners to collect information from our users through the Websites in order to better understand their needs and usage patterns, which can be used to inform future improvements to the Websites and provide a more personalized experience. Information being collected may include, without limitation, the following:
 - (i) Users, pageviews, sessions;
 - (ii) Source (e.g. Google, social, direct);
 - (iii) Time spent on site; and
 - (iv) Users info (geographical location, browser type and language, device type and operating system).

WITHDRAWING YOUR CONSENT

14. The consent that you provide for the collection, use, disclosure, retention and processing of your personal data will remain valid until such time it is being withdrawn by you in writing. You may withdraw consent and request us to stop collecting, using, disclosing and/or processing your personal data for any or all of the purposes listed above by submitting your request in writing or via email to us at the contact details provided below.
15. Upon receipt of your written request to withdraw your consent, we may require reasonable time (depending on the complexity of the request and its impact on our relationship with you) for your request to be processed and for us to notify you of the consequences of us acceding to the same, including any legal consequences which may affect your rights and liabilities to us. In general, we shall seek to process your request within fourteen (14) business days of receiving it.
16. Whilst we respect your decision to withdraw your consent, please note that depending on the nature and scope of your request, we may not be in a position to continue to grant you access and/or use of the Websites, any of the Content made available therein and/or any incubator, accelerator, founder, affiliate, partnership or other programs, and we shall, in such circumstances, notify you before completing the processing of your request. Should you decide to cancel your withdrawal of consent, please inform us via email.
17. Please note that withdrawing consent does not affect our right to continue to collect, use, disclose, retain and process personal data where such collection, use and disclosure without consent is permitted or required under applicable laws.

HOW TO ACCESS OR CORRECT OR REQUEST FOR THE DELETION OF YOUR PERSONAL DATA

18. If you wish to make (a) an access request for access to a copy of the personal data which we hold about you or information about the ways in which we use or disclose your personal data, (b) a correction request to correct or update any of your personal data which we hold about you, or (c) a deletion request for us to delete all the personal data we have about you, you may submit your request via email to us at the contact details provided below.
19. Please note that a reasonable fee may be charged for an access request or deletion request. If so, we will inform you of the fee before processing your request. Please further note that we will need to verify your identity in order to honour a deletion request.
20. We will respond to your request as soon as reasonably possible. In general, our response will be within thirty (30) business days. Should we not be able to respond to your request within thirty (30) days after receiving your request, we will inform you in writing within thirty (30) days of the time by which we will be able to respond to your request. If we are unable to provide you with any personal data, make a correction requested by you, or honour a deletion request, we shall generally inform you of the reasons why we are unable to do so (except where we are not required to do so under the Data Protection Legislation).

SAFEGUARDING YOUR PERSONAL DATA

21. To safeguard your personal data from unauthorised access, collection, use, disclosure, processing, copying, modification, disposal or similar risks, we have or will implement

appropriate administrative, physical and technical safeguards. These may include limiting the collection of personal data, enforcing strong authentication and access controls (such as secure password practices and restricting data access to a need-to-know basis), encrypting data, maintaining up-to-date antivirus protection, regularly updating our operating system and other software, securely erasing storage devices before disposal, applying web security measures against risks, and conducting regular security reviews and testing.

22. You should be aware, however, that no method of transmission over the Internet or method of electronic storage is completely secure. While security cannot be guaranteed, we strive to protect the security of your information and are constantly reviewing and enhancing our information security measures. However, no security measures are failsafe, and we cannot guarantee the security of your personal data. You use the Websites and/or any of the Content made available therein at your own risk.

ACCURACY OF PERSONAL DATA

23. We generally rely on personal data provided by you (or your authorised representative). You further acknowledge that information and personal data given by you is sufficient, accurate, complete and not misleading, and that such personal data is provided with consent of the data subject, voluntarily and is necessary for the purposes set out above. In order to ensure that your personal data is up-to-date, complete and accurate, please update us if there are changes to your personal data by via email at the contact details provided below. Failure to do so may affect or impact your continued use of the Websites, any Content made available therein and/or any incubator, accelerator, founder, affiliate, partnership or other programs.

WHEN WE MAY RETAIN YOUR PERSONAL DATA

24. We may retain your personal data for as long as it is necessary to fulfil the purpose for which it was collected, or as required or permitted by applicable laws.
25. We will cease to retain your personal data, or remove the means by which the data can be associated with you, as soon as it is reasonable to assume that such retention no longer serves the purpose for which the personal data was collected, and is no longer necessary for legal or business purposes.

INTERNATIONAL TRANSFERS OF PERSONAL DATA

26. We may transfer your personal data to countries outside of your country of origin for the purposes set out above.
27. We will take steps to ensure that your personal data continues to receive a standard of protection that is at least comparable to that provided under applicable laws.

CHILDREN'S DATA

28. The Services are not directed to children under 18. If we learn that we have collected data from a minor, we will take reasonable steps to delete it.

HOW TO CONTACT US

29. If you have any enquiries or feedback on our personal data protection policies and procedures, or if you wish to make any request or complaint, you may contact us through the following contact details:

Name: Yeoh Wei Zhe

Designation: Chief Executive Officer

Email Address: hello@eastworlds.io

Phone Number: +6017-6538410

DASAR PRIVASI

Tarikh kemaskini terakhir : 6 April 2026

Dasar Privasi ini terpakai kepada laman web Eastworlds di <https://eastworlds.io> dan semua pautan serta laman berkaitan Eastworlds (secara kolektif, "**Laman Web**") yang disediakan dan dikendalikan oleh Eastworld Sdn. Bhd. ("**Syarikat**" atau "**kami**"). Dasar Privasi ini mengawal akses dan penggunaan anda atas Laman Web Syarikat serta membentuk suatu perjanjian yang mengikat di sisi undang-undang antara (i) kami dan anda; dan/atau (ii) sekiranya anda mewakili sesuatu entiti, entiti yang anda wakili tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "**anda**").

Kami memandang serius hak privasi dan perlindungan data peribadi anda, dan berusaha untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses apa-apa data peribadi yang dikumpul dengan cara yang mematuhi undang-undang perlindungan data dan privasi yang terpakai ("**Perundangan Perlindungan Data**").

Dasar Privasi ini menetapkan jenis data peribadi yang kami kumpulkan, cara kami menggunakan, memproses dan mendedah data peribadi anda, serta pilihan anda berhubung dengan amalan maklumat kami. Dasar Privasi ini diperbadankan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma Penggunaan Laman Web kami ("**Terma**").

Sebelum mengakses dan menggunakan Laman Web atau apa-apa kandungan yang disediakan di atasnya ("**Kandungan**"), atau menyerahkan apa-apa data peribadi kepada Syarikat melalui Laman Web, sila baca dengan teliti Dasar Privasi ini. Dengan mengakses dan/atau menggunakan Laman Web atau Kandungan, anda bersetuju terhadap pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemrosesan data peribadi anda oleh kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Dasar Privasi ini, sila jangan akses atau gunakan Laman Web atau mana-mana Kandungan kami.

Syarikat berhak untuk meminda Dasar Privasi ini pada bila-bila masa dan menggalakkan anda untuk menyemak Dasar Privasi ini setiap kali anda mengakses Laman Web.

TAKRIFAN DAN TAFSIRAN

1. "**Data peribadi**" dalam Dasar Privasi ini mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia dan undang-undang perlindungan data lain yang berkenaan.
2. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Dasar Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
3. Istilah-istilah berhuruf besar yang digunakan dalam Dasar Privasi ini mempunyai maksud yang diberi kepadanya di bawah Terma, melainkan jika konteks menghendaki sebaliknya.

KEMASKINI DASAR PRIVASI INI

4. Kami berhak untuk meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis awal. Dengan terus mengakses dan/atau menggunakan Laman Web atau mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya, anda dianggap telah mengakui dan menerima pindaan-pindaan tersebut terhadap Dasar Privasi ini.

DATA PERIBADI YANG BOLEH KAMI KUMPULKAN

5. Bagi membolehkan anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web serta mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya, anda boleh dikehendaki untuk memberi kepada kami, dan kami boleh mengumpul, kategori-kategori maklumat peribadi berikut:
 - (a) Maklumat Pengenalan: Nama, alamat e-mel, nama organisasi / pasukan, laman web dan LinkedIn anda.
 - (b) Data Peranti dan Penggunaan: Model peranti dan sistem pengendalian, alamat IP, bahasa, log kegagalan, tempoh sesi dan cap masa.
 - (c) Maklumat Komunikasi: Maklumat yang anda kongsi dengan kami sebagai sebahagian daripada sebarang pertanyaan, e-mel, tinjauan atau maklum balas.
 - (d) Maklumat Media Sosial: Maklumat yang diterima daripada interaksi anda dengan platform media sosial kami atau maklumat yang diberi oleh platform media sosial tersebut, termasuk maklumat agregat dan analitik pengikut atau penonton kami.
 - (e) Maklumat Aktiviti Internet: Apabila anda melawati, menggunakan atau berinteraksi dengan Laman Web atau mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya, maklumat berikut mungkin dijana dan direkodkan secara automatik dalam sistem kami:
 - (i) Maklumat Peranti: Pengeluar dan model, sistem pengendalian, alamat IP dan pengecam unik peranti, serta pelayar yang anda gunakan untuk mengakses Laman Web. Maklumat yang kami kumpulkan mungkin berbeza bergantung pada jenis peranti dan tetapannya.
 - (ii) Maklumat Penggunaan: Maklumat tentang cara anda menggunakan Laman Web kami, seperti jenis kandungan yang anda lihat atau berinteraksi dengannya, tindakan yang anda ambil, serta masa, kekerapan dan tempoh aktiviti anda.
 - (iii) Maklumat Pembukaan/Klik E-mel: Kami mungkin menggunakan piksel dalam kempen e-mel kami yang membolehkan kami mengumpul alamat e-mel dan alamat IP anda serta tarikh dan masa anda membuka sesuatu e-mel atau mengklik mana-mana pautan dalam e-mel tersebut.
6. Kami mengumpul data peribadi anda melalui permintaan manual, borang, perjanjian dan secara amnya semasa anda menggunakan serta mengakses Laman Web. Apabila anda memuat naik dan menyerahkan apa-apa data peribadi kepada kami, anda dengan ini mengesahkan bahawa anda mempunyai kuasa untuk mendedahkan data peribadi yang berkaitan dan anda memberi persetujuan kepada Syarikat serta Penyedia Pihak Ketiga untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi yang berkaitan tersebut menurut Dasar Privasi ini.
7. Sekiranya data peribadi diminta, anda diwajibkan untuk memberi data peribadi yang diminta tersebut, dan jika gagal berbuat demikian, Syarikat tidak dapat memberikan anda akses kepada dan penggunaan Laman Web. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Dasar Privasi ini, sila jangan akses atau gunakan Laman Web.

TUJUAN KAMI MENGUMPUL, MENGGUNAKAN DAN MEMPROSES DATA PERIBADI ANDA

8. Kami boleh mengumpul, menggunakan dan memproses data peribadi anda untuk mana-mana atau semua tujuan berikut:
- (a) **Mengendalikan Laman Web:** mengendalikan dan menyediakan sokongan bagi Laman Web.
 - (b) **Peluang Kerjasama:** menilai peluang untuk menyertai mana-mana program inkubator, pemecut, pengasas, ahli gabungan, kerjasama atau program lain milik Syarikat atau syarikat bersekutu, perbadanan berkaitan, klien, pelanggan dan penyedia perkhidmatannya.
 - (c) **Tujuan Komersial:** menjual, menjual semula, mengedarkan, memberi lesen ke atas, mendedahkan, berkongsi atau mengeksploitasi data peribadi tersebut bagi tujuan komersial, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai.
 - (d) **Moderasi dan Memastikan Integriti:** mengesan penipuan, spam, bot dan kandungan yang dilarang; menyiasat dan mencegah penyalahgunaan serta pelanggaran; dan menguatkuasakan Terma kami.
 - (e) **Melatih dan Menambah Baik Model:** melatih, menilai, melaksanakan dan menambah baik model dan set data AI / robotik, serta menyediakan perkhidmatan berkaitan kepada rakan penyelidikan atau rakan perusahaan.
 - (f) **Memperibadikan dan Menambah Baik:** memahami cara penggunaan, menambah baik pengalaman pengguna, kandungan dan prestasi, serta membangunkan Kandungan dan ciri baharu.
 - (g) **Berkomunikasi:** menghantar mesej perkhidmatan, kemas kini, amaran dan, jika dibenarkan, komunikasi pemasaran.
 - (h) **Undang-undang dan Pematuhan:** mematuhi undang-undang, permintaan, dan menguatkuasakan hak-hak kami.
 - (i) melaksanakan kewajipan dalam perjalanan atau berkaitan dengan membenarkan anda mengakses atau mengguna Laman Web kami dan mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya.
 - (j) apa-apa tujuan perniagaan sampingan lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan perkara-perkara di atas.
9. Tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam klausa-klausa di atas boleh terus terpakai walaupun dalam situasi di mana hubungan anda dengan kami (contohnya, menurut suatu kontrak) telah ditamatkan atau diubah dalam apa jua cara, untuk tempoh yang munasabah selepas itu (termasuk, jika berkenaan, suatu tempoh untuk membolehkan kami menguatkuasakan hak-hak kami di bawah suatu kontrak dengan anda).

BILA DATA PERIBADI ANDA BOLEH DIEDAHKAN KEPADA PIHAK KETIGA

10. Kami boleh mendedahkan data peribadi anda yang dinyatakan di atas kepada pihak ketiga atau dalam situasi tertentu tanpa notis lanjut kepada anda, melainkan dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai. Pendedahan sedemikian boleh berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:
- (a) Pengendalian dan Penyelenggaraan Laman Web: Apabila diperlukan bagi melaksanakan kewajipan yang berkaitan dengan aktiviti di atau melalui Laman Web, atau akses dan penggunaan anda terhadap Laman Web dan/atau mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya, kami boleh mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan tersebut.
 - (b) Penyedia Perkhidmatan: Untuk menyokong operasi perniagaan kami dan menyediakan perkhidmatan tertentu, kami boleh berkongsi data peribadi

dengan penyedia, rakan kongsi, pihak sekutu dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Ini termasuk pihak yang menyediakan perkhidmatan pengehosan dan awan, sokongan IT, komunikasi e-mel dan perkhidmatan surat berita, perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran, pemprosesan pembayaran, pengurusan hubungan pelanggan, sokongan pelanggan dan perkhidmatan analitik. Pihak ketiga ini boleh mengakses, memproses atau menyimpan data peribadi sebagaimana diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka, mengikut arahan kami.

- (c) Penasihat Profesional: Kami boleh berkongsi data peribadi dengan penasihat profesional kami, seperti firma guaman dan firma perakaunan, apabila diperlukan bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan kepada kami.
 - (d) Pihak Berkaitan: Kami boleh berkongsi data peribadi anda dengan pihak sekutu, pihak berkaitan, rakan kongsi, pelanggan, pekerja, kontraktor, pemberi lesen, penyedia perkhidmatan atau pembekal kami, serta pihak sekutu, pihak berkaitan, rakan kongsi, pelanggan, pekerja, kontraktor, pemberi lesen, penyedia perkhidmatan atau pembekal kepada pihak-pihak yang dinyatakan di atas, bagi tujuan dan mengikut perjanjian yang dimeterai antara pihak-pihak tersebut.
 - (e) Pemindahan Perniagaan: Jika kami terlibat dalam penggabungan, pengambilalihan, pembiayaan, penyusunan semula, kebangkrutan, penerimaan, pembubaran, penjualan semua atau sebahagian aset kami, atau peralihan perkhidmatan kepada penyedia lain (secara kolektif, "**Transaksi Perniagaan**"), data peribadi anda boleh didedahkan dalam proses usaha dengan pihak lawan dan pihak-pihak lain yang membantu dalam Transaksi Perniagaan tersebut, dan dipindahkan kepada pengganti atau pihak sekutu sebagai sebahagian daripada atau selepas Transaksi Perniagaan tersebut bersama-sama dengan aset lain.
 - (f) Keperluan Undang-Undang: Walaupun kami tidak berkongsi data peribadi secara sukarela dengan pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia, kami boleh mendedahkan maklumat anda apabila dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang, peraturan, perintah mahkamah atau kewajipan undang-undang lain.
11. Data peribadi anda mungkin didedahkan kepada publik dalam keadaan tertentu, termasuk apabila anda menyertai mana-mana program inkubator, pemecut, pengasas, ahli gabungan, kerjasama atau program lain milik Syarikat atau syarikat bersekutu, perbadanan berkaitan, klien, pelanggan dan penyedia perkhidmatannya.
12. Bagi tujuan penyediaan mana-mana Kandungan kami, kami mungkin bergantung pada pihak ketiga yang boleh mengumpul, menggunakan, mendedahkan atau memproses data peribadi anda bagi tujuan mereka sendiri, dan tanpa penglibatan kami atau rujukan kepada kami. Kami tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap pengumpulan, penggunaan, pendedahan atau pemprosesan data peribadi anda oleh pihak ketiga tersebut.

USE OF COOKIES AND OTHER TECHNOLOGIES

13. Kami boleh menggunakan satu atau lebih teknologi berikut untuk mengumpul maklumat aktiviti internet bagi meningkatkan pengalaman pengguna anda, memahami

cara anda berinteraksi dengan mana-mana Kandungan yang disediakan di Laman Web, dan menambah baik penawaran kami:

- (a) Cookies: Ini ialah fail teks kecil yang ditempatkan pada peranti anda yang membolehkan kami mengenal pasti pelayar anda atau menyimpan maklumat dan tetapan secara unik. Cookies membantu meningkatkan pengalaman anda dengan membolehkan navigasi yang lancar antara halaman, mengingatkan keutamaan anda, menyokong fungsi tertentu, menganalisis aktiviti dan model pengguna, serta memudahkan pengiklanan yang disasarkan.
- (b) Teknologi Penyimpanan Tempatan: Teknologi seperti HTML5 boleh digunakan untuk menyediakan fungsi yang serupa dengan cookies tetapi dengan keupayaan untuk menyimpan jumlah data yang lebih besar. Maklumat ini boleh disimpan secara langsung pada peranti anda, termasuk di luar pelayar anda, berhubung dengan Laman Web tertentu.
- (c) Suar Web (Tag Piksel/Clear GIFs): Teknologi ini membantu kami mengesahkan apabila sesuatu halaman web atau e-mel telah diakses atau dibuka, atau apabila kandungan tertentu telah dilihat atau diklik. Suar web lazimnya digunakan untuk menjejaki penglibatan pengguna dan mengoptimumkan kandungan yang kami sampaikan.
- (d) Alat Analitik Data: Kami boleh menggunakan teknologi dan alat yang disediakan oleh rakan kongsi pihak ketiga untuk mengumpul maklumat daripada pengguna kami melalui Laman Web bagi membolehkan kami lebih memahami keperluan dan model penggunaan mereka, yang boleh digunakan untuk memaklumkan penambahbaikan pada masa hadapan terhadap Laman Web serta menyediakan pengalaman yang lebih diperibadikan. Maklumat yang dikumpul boleh termasuk, tanpa had, yang berikut:
 - (i) pengguna, paparan halaman, sesi;
 - (ii) sumber (contohnya Google, media sosial, terus);
 - (iii) masa yang dihabiskan di laman; dan
 - (iv) maklumat pengguna (lokasi geografi, jenis dan bahasa pelayar, jenis peranti dan sistem pengendalian).

PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN ANDA

- 14. Persetujuan yang anda berikan untuk pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penyimpanan dan pemprosesan data peribadi anda akan kekal sah sehingga ia ditarik balik oleh anda secara bertulis. Anda boleh menarik balik persetujuan dan meminta kami berhenti mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan/atau memproses data peribadi anda untuk mana-mana atau semua tujuan yang disenaraikan di atas dengan mengemukakan permintaan anda secara bertulis atau melalui e-mel kepada kami di butiran hubungan yang dinyatakan di bawah.
- 15. Setelah menerima permintaan bertulis anda untuk menarik balik persetujuan anda, kami mungkin memerlukan masa yang munasabah (bergantung kepada kerumitan permintaan dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda) untuk memproses permintaan anda dan untuk memaklumkan anda tentang akibat kami bersetuju dengan permintaan tersebut, termasuk sebarang akibat undang-undang yang boleh menjejaskan hak dan liabiliti anda terhadap kami. Secara amnya, kami akan berusaha memproses permintaan anda dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh penerimaannya.

16. Walaupun kami menghormati keputusan anda untuk menarik balik persetujuan anda, sila ambil perhatian bahawa bergantung kepada sifat dan skop permintaan anda, kami mungkin tidak dapat terus memberikan anda akses kepada dan/atau penggunaan Laman Web, mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya dan/atau mana-mana program inkubator, pemecut, pengasas, ahli gabungan, kerjasama atau program lain, dan dalam keadaan sedemikian, kami akan memaklumkan anda sebelum menyelesaikan pemprosesan permintaan anda. Sekiranya anda berputus untuk membatalkan penarikan balik persetujuan anda, sila maklumkan kepada kami melalui e-mel.
17. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan anda tidak menjejaskan hak kami untuk terus mengumpul, menggunakan, mendedahkan, menyimpan dan memproses data peribadi apabila pengumpulan, penggunaan dan pendedahan sedemikian tanpa persetujuan dibenarkan atau dikehendaki di bawah undang-undang yang terpakai.

CARA UNTUK MENGAKSES, MEMBETULKAN ATAU MEMINTA PEMADAMAN DATA PERIBADI ANDA

18. Sekiranya anda ingin membuat (a) permintaan akses untuk mendapatkan salinan data peribadi yang kami simpan mengenai anda atau maklumat tentang cara kami menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda, (b) permintaan pembetulan untuk membetulkan atau mengemas kini mana-mana data peribadi anda yang kami simpan mengenai anda, atau (c) permintaan pemadaman untuk kami memadamkan semua data peribadi yang kami simpan mengenai anda, anda boleh mengemukakan permintaan anda melalui e-mel kepada kami melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah.
19. Sila ambil perhatian bahawa fi yang munasabah mungkin dikenakan untuk permintaan akses atau permintaan pemadaman. Jika berkenaan, kami akan memaklumkan anda tentang fi tersebut sebelum memproses permintaan anda. Sila ambil perhatian juga bahawa kami perlu mengesahkan identiti anda untuk memenuhi permintaan pemadaman.
20. Kami akan memberi maklum balas kepada permintaan anda secepat mungkin secara munasabah. Secara amnya, maklum balas kami akan diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja. Sekiranya kami tidak dapat memberi maklum balas kepada permintaan anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas menerima permintaan anda, kami akan memaklumkan anda secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja tersebut mengenai tempoh masa yang kami perlukan untuk memberi maklum balas kepada permintaan anda. Sekiranya kami tidak dapat memberikan anda sebarang data peribadi, membuat pembetulan yang diminta oleh anda, atau memenuhi permintaan pemadaman, kami secara lazimnya akan memaklumkan anda tentang sebab-sebab kami tidak dapat berbuat demikian (kecuali jika kami tidak diwajibkan berbuat demikian di bawah Perundangan Perlindungan Data).

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI ANDA

21. Untuk melindungi data peribadi anda daripada akses, pengumpulan, penggunaan, pendedahan, pemprosesan, penyalinan, pengubahsuaian, pelupusan atau risiko yang serupa tanpa kebenaran, kami telah atau akan melaksanakan langkah-langkah perlindungan pentadbiran, fizikal dan teknikal yang bersesuaian. Ini boleh termasuk menghadkan pengumpulan data peribadi, menguatkuasakan kawalan pengesahan

dan akses yang kukuh (seperti amalan kata laluan yang selamat dan mengehadikan akses data berdasarkan keperluan untuk mengetahui), menyulitkan data, mengekalkan perlindungan antivirus yang terkini, mengemas kini sistem operasi dan perisian lain secara berkala, memadam peranti storan secara selamat sebelum pelupusan, melaksanakan langkah keselamatan web terhadap risiko, serta menjalankan semakan dan pengujian keselamatan secara berkala.

22. Walau bagaimanapun, anda harus sedar bahawa tiada kaedah penghantaran melalui Internet atau kaedah penyimpanan elektronik yang benar-benar selamat. Walaupun keselamatan tidak dapat dijamin, kami berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat anda dan sentiasa menyemak serta meningkatkan langkah keselamatan maklumat kami. Namun demikian, tiada langkah keselamatan yang kalis kegagalan sepenuhnya, dan kami tidak dapat menjamin keselamatan data peribadi anda sepenuhnya. Anda dikehendaki memastikan keselamatan data peribadi anda dan tidak mendedharkannya kepada pihak lain bagi mengurangkan risiko pelanggaran data.

KETEPATAN DATA PERIBADI

23. Kami secara lazimnya bergantung pada data peribadi yang diberikan oleh anda (atau wakil anda yang diberi kuasa). Anda selanjutnya mengakui bahawa maklumat dan data peribadi yang diberikan oleh anda adalah mencukupi, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan, dan bahawa data peribadi tersebut diberikan dengan persetujuan daripada subjek data, secara sukarela serta dan diperlukan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas. Bagi memastikan data peribadi anda adalah terkini, lengkap dan tepat, sila maklumkan kepada kami sekiranya terdapat perubahan kepada data peribadi anda melalui e-mel melalui butiran hubungan yang dinyatakan di bawah. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan akses berterusan anda kepada dan/atau penggunaan anda terhadap Laman Web, mana-mana Kandungan yang disediakan di dalamnya dan/atau mana-mana program inkubator, pemecut, pengasas, ahli gabungan, kerjasama atau program lain.

BILA KAMI BOLEH MENYIMPAN DATA PERIBADI ANDA

24. Kami boleh menyimpan data peribadi anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan, atau sebagaimana dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.
25. Kami akan berhenti menyimpan data peribadi anda, atau menghapuskan cara yang membolehkan data tersebut dikaitkan dengan anda, sebaik sahaja dan secara munasabah untuk menganggap bahawa penyimpanan tersebut tidak lagi memenuhi tujuan pengumpulan data peribadi tersebut, dan tidak lagi diperlukan bagi tujuan undang-undang atau perniagaan.

PEMINDAHAN DATA PERIBADI SECARA ANTARABANGSA

26. Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke negara-negara di luar negara asal anda bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas.
27. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa data peribadi anda terus menerima standard perlindungan yang sekurang-kurangnya setanding dengan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang terpakai.

DATA KANAK-KANAK

28. Perkhidmatan ini tidak ditujukan kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun. Sekiranya kami mendapati bahawa kami telah mengumpul data daripada seorang kanak-kanak bawah umur, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memadamkan data tersebut.

CARA MENGHUBUNGI KAMI

29. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai polisi dan prosedur perlindungan data peribadi kami, atau jika anda ingin membuat sebarang permintaan atau aduan, anda boleh menghubungi kami melalui butiran hubungan berikut:

Nama: Yeoh Wei Zhe

Jawatan: Chief Executive Officer

Alamat E-mel: hello@eastworlds.io

No. Telefon: +6017-6538410